



Surau, masjid Selangor masih wajibkan pemakaian pelitup muka [METROTV]

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor: Pelitup muka masih wajib dipakai ketika mengunjungi masjid dan surau di Selangor, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

Menurutnya, buat masa ini kelonggaran dalam pemakaian pelitup muka yang diumumkan Kerajaan Persekutuan, Rabu lalu tidak termasuk di institusi keagamaan negeri itu.

"Kita mengambil maklum pengumuman terbaharu Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai pelitup muka.

"Namun, pemakaiannya masih kekal di masjid atau surau di negeri ini dan kita menunggu perkenan baginda Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi ketetapan baharu kelak," katanya di sini, hari ini.

Mohd Shahzihan berkata, Jais akan memaklumkan ketetapan terkini pemakaian pelitup muka selepas mendapat perkenan Istana Selangor.

Terdahulu, beliau ditemui pada Majlis Penyerahan Projek Siap Masjid Raja Lumu, Pekan Lama Kuala Selangor yang disempurnakan Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Masjid Diraja kesembilan itu dinaiki taraf sejak 2019.

Rabu lalu, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan pemakaian pelitup muka di kawasan tertutup tidak lagi wajib, sebaliknya atas pilihan orang ramai dengan keputusan itu dibuat selepas mengambil kira situasi semasa Covid-19.

Disiarkan pada: September 9, 2022 @ 4:19pm